

# Enam Raja disahkan akan hadir

**KUALA LUMPUR, Rabu** — Setakat ini enam Raja Melayu disahkan akan berangkat hadir ke persidangan khas mengenai isu perlembagaan di Istana Kayangan di Shah Alam, Selangor, Ahad ini.

Mereka ialah Sultan Selangor selaku tuan rumah, Timbalan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Kedah, Sultan Kelantan, Sultan Terengganu dan Pemangku Raja Pahang, Raja Muda Perak, Raja Tun Azlan Shah, juga akan hadir.

Sultan Johor, Sultan Perak dan Raja Perlis belum memutuskan un-

tuk hadir, manakala Yang di-Pertuan Agong pula difahamkan tidak dapat hadir kerana masih gering.

Rombongan Umno dalam persidangan itu diketuai oleh Naib Presidennya, Encik Ghafar Baba, yang bertindak sebagai jurucakap Umno.

Turut serta ialah Naib-Naib Presiden Umno, Datuk Haji Harun Idris, Tengku Ahmad Rithauddeen, Setiausaha Agung Umno, Datuk Haji Mustafa Jabar; dan Datuk Seri Haji Kamaruddin Mat Isa. Puan Marina Yusof yang diundang belum memberi jawapan sehingga ini.

Sebelum perjumpaan itu, raja-raja akan mengadakan perjumpaan khas di tempat yang sama kira-kira jam 10 pagi, manakala pertemuan dengan rombongan Umno ialah jam 2 petang.

Rombongan Majlis Tertinggi Umno dipercayai akan menyebarkan satu formula bagi menjelaskan kekeliruan raja-raja bersabit dengan Rang Undang-Undang Pindaan Perlembagaan yang diluluskan oleh Parlimen Ogos lalu.

Di pihak raja-raja, beberapa pekar undang-undang dari England, termasuk yang terbabit dalam merangka perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu sebelum Merdeka, juga dijangka hadir.

*Berita Harian* diberitahu, pakar undang-undang itu telah mengkaji secara terperinci kesan-kesan kepada kekuasaan raja-raja jika pindaan itu dikuatkuasakan.

Nasihat pakar ini akan dibawa dalam persidangan khas raja-raja untuk dibincangkan secara mendalam sebelum sebarang keputusan diambil.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia